

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Sunday, December 13, 2015 10:40 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD
Subject: HEP ONLINE: KELAB PERMATA UUM SALUR DANA MELALUI PROGRAM AMAL



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

13 DISEMBER 2015, AHAD | 1 RABIULAWAL 1437H



Kelab Sekretariat 1 Malaysia: Chapter Terengganu Universiti Utara Malaysia (PERMATA UUM) telah menganjurkan satu program amal bagi mengumpul dana untuk disalurkan kepada Rumah Anak Yatim Hembusan Kasih yang terletak di Arau, Perlis pada 7 Disember yang lalu.

Dihadiri lebih 300 orang pelajar UUM, program amal ini membariskan ahli panel yang terdiri daripada Ustaz Murshidi bin Mohd Noor dan Mohd Azry Hairie bersama moderator Fadli Muhammad Ali.

Penasihat PERMATA UUM, Suhaimi Ismail berkata, program ini diadakan bertujuan mendedahkan pelajar UUM untuk lebih mengenali keunggulan keperibadian Rasulullah SAW selain duit kutipan program akan terus disalurkan kepada rumah anak yatim.

“Saya berharap program sebegini dapat diteruskan oleh pelajar UUM kerana mereka dapat belajar menguruskan program sendiri serta dapat berkhidmat kepada masyarakat,” kata beliau ketika hadir pada Malam Amal “Muhasabah Cinta Untukmu Rasulullah” di Dewan Tan Sri Othman (DTSO) UUM.

Menurut Pengarah program amal, Nursyahidah Jaafar berkata pelajar juga dapat mendidik diri untuk saling membantu menghulurkan pertolongan dalam meringankan beban masyarakat yang kurang bernasib baik di luar sana.

Program amal diserikan dengan persembahan Qasidah dari kumpulan Soutul Fateh dan kumpulan nasyid UTAMA UUM.

Turut hadir ke program tersebut adalah Ustaz Yusnaidi Md Sabri mewakili Timbalan Naib Canselor (HEPA) UUM.

Sekian.

Daripada

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4011

Faks: 04 – 928 4016

Web: www.hep.uum.edu.my

Emel: hep@uum.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>

